

Headline	Malaysia manfaatkan pelaburan harta tanah London		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 May 2015	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	178,211
Page No	17	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	113 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,472
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,417



# Malaysia manfaatkan pelaburan harta tanah London

**KUALA LUMPUR 6 Mei** - Malaysia merupakan antara negara yang memanfaatkan pasaran harta tanah yang lumayan dan telus di London, United Kingdom.

"Peraturan British yang jelas memudahkan pelabur asing menjalankan urus niaga di United Kingdom," kata Perunding Utama Hartanah global bebas, Knight Frank LLP, menerusi kenyataan hari ini.

Antara urus niaga terbaru membabitkan Malaysia ialah penjualan pejabat utama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), One Sheldon Square di Padding-

ton kepada REIT UK British Land sebanyak £210 juta (RM1.14 bilion) dengan hasil 4.5 peratus.

Pada 2013, Kumpulan Wang Persaraan membeli bangunan pencakar langit yang direka bentuk oleh Richard Rogers, 88 Wood Street, daripada National Pension Servis of Korea membabitkan £200 juta (RM927.11 juta), dengan hasil sebanyak 5.8 peratus.

Urus niaga lain termasuk pembelian sebuah bangunan kerajaan oleh Tabung Haji (TH) bernilai £205 juta (RM1.11 bilion).

Selain itu, rejim percukaian

dan pajakan untuk tempoh yang panjang di United Kingdom memberikan pelabur persekitaran pelaburan yang lebih terjamin, katanya, sambil menambah bahawa pelabur dapat mengakses maklumat pasaran yang tepat mengenai aset tertentu.

London merupakan antara bandar terbesar dan paling dinamik di dunia, sekali gus menawarkan pelbagai peluang pelaburan. Ia mempunyai keupayaan untuk berkembang dan mewujudkan subpasaran baharu, kata kenyataan itu. - BERNAMA